



## TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : POLITEKNIK MERLIMAU PERKUKUH MOBILITI SERANTAU, JALINAN STRATEGIK ANTARABANGSA

SUMBER : BERNAMA - 22 NOVEMBER 2025

### Politeknik Merlimau Perkukuh Mobiliti Serantau, Jalinan Strategik Antarabangsa

© 22/11/2025 07:21 PM



Foto: Politeknik Merlimau Melaka

"Melalui pelaksanaan I-VESC, pelajar bukan sahaja didedahkan kepada pembelajaran rentas budaya, malah berpeluang membangunkan kemahiran komunikasi global, kepimpinan dan keyakinan diri melalui aktiviti kolaboratif yang dirangka bersama rakan institusi antarabangsa," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Delegasi PMM diketuai Timbalan Pengarah (Akademik) Faridatuljana Mohd Noor bersama lima pegawai selain disertai 15 pelajar daripada enam jabatan mengambil bahagian bagi memastikan penglibatan seimbang merentas bidang serta memberikan pendedahan global kepada pelajar.

Fadhillah berkata pengisian program merangkumi kursus Bahasa Inggeris Komunikatif, Penyampaian Berkesan yang memberi fokus kepada teknik komunikasi berkesan dan keupayaan pelajar menggunakan bahasa Inggeris dengan lebih yakin.



## **TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA** **Perkara : INFO SEMASA PMM**

**TAJUK ARTIKEL : POLITEKNIK MERLIMAU PERKUKUH MOBILITI SERANTAU, JALINAN STRATEGIK ANTARABANGSA**

**SUMBER : BERNAMA - 22 NOVEMBER 2025**

Beliau berkata program itu turut diikuti dengan aktiviti tanggungjawab sosial di Pesantren Al-Amalul Khair merangkumi demonstrasi kemahiran TVET seperti pemasangan paip dan ikatan bata serta gotong-royong, sekali gus mengukuhkan hubungan komuniti dan aplikasi kemahiran praktikal pelajar.

"Selain itu, sesi pembentangan projek pelajar turut diadakan dengan penglibatan pensyarah PMM sebagai panel penilai mengikut bidang kepakaran masing-masing, bertujuan meningkatkan pertukaran ilmu dan kualiti hasil projek pelajar.

"Kemuncak I-VESC 2025 ialah pemeteraian perjanjian usaha sama antara PMM dan POLSRI sebagai kesinambungan kerjasama sejak 2018," katanya.

Fadhilah berkata komitmen berterusan kedua-dua institusi dijangka membuka lebih banyak peluang strategik dalam pembangunan bakat, pengantarabangsaan dan inisiatif kolaboratif jangka panjang yang memberi manfaat kepada warga akademik serta komuniti.

-- BERNAMA

*BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; [www.bernama.com](http://www.bernama.com); BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).*